

# Draf pindaan perlembagaan Umno dibawa semula ke MT

BH 13 NOV 2000

KUALA LUMPUR, Ahad – Draf pindaan Perlembagaan Umno akan dibawa semula ke Majlis Tertinggi (MT) untuk menimbang semua pandangan dan reaksi ketua bahagian, sebelum dibentangkan pada Perhimpunan Khas Umno, Sabtu ini.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata tiga cadangan yang mendapat reaksi ialah mengenai tempoh pemilihan MT dan bahagian yang dicadangkan mengikut penggal pilihan raya umum, berbanding tiga tahun sekarang.

Turut mendapat perhatian ialah keputusan MT tidak meminda sistem pemilihan yang menetapkan kuota pencalonan untuk bertanding di peringkat jawatan tertinggi parti serta penubuhan Puteri Umno.

“Saya akan melaporkan reaksi yang diterima daripada ketua bahagian dan menyerahkan kepada MT

untuk memutuskan sama ada menerima draf cadangan itu atau mengubahnya.

“Kita juga akan melihat sama ada sistem kuota itu wajar dikaji semula (dipinda) atau tidak,” katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Taklimat Pindaan Perlembagaan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Taklimat selama hampir tiga jam itu turut dihadiri ketiga-tiga Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib serta semua ketua bahagian, exco Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Mesyuarat MT akhir bulan lalu meluluskan cadangan supaya pemilihan jawatan tertinggi dalam parti diadakan sekurang-kurangnya dalam tempoh 12 bulan selepas pilihan raya umum.

Abdullah berkata, taklimat yang diadakan itu

adalah untuk mendengar pandangan semua pihak dan mengukur sejauh mana sokongan terhadap usul pindaan berkenaan.

“Kita bukan parti yang menutup telinga tidak mahu mendengar orang cakap. Kita parti terbuka yang orang tidak tahu, dan menganggap semuanya diarahkan oleh (Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Sebenarnya, apa yang dilakukan ini adalah hasil perbincangan selama empat bulan di semua peringkat. Perbincangan ini adalah luas, bukan dimulakan oleh MT dan selepas itu diserahkan ke bawah lalu diarah terima apa yang diputuskan,” katanya.

Abdullah berkata, draf pindaan perlembagaan itu dibuat dengan menggabungkan pandangan pemimpin veteran dan aspirasi kepimpinan sekarang untuk memberi kebaikan kepada parti.

“Ia bermula dari bawah.

Pandangan yang diberikan itu digabungkan dengan pandangan pemimpin peringkat kepimpinan yang sudah lama berpengalaman dalam parti,” katanya.

Sementara itu, Muhyiddin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan berkata, beliau akan menunggu keputusan mesyuarat MT sama ada perlu merombak semula draf pindaan berkenaan.

“Saya selaku wakil MT akan bawa apa saja usul. Saya tidak boleh meramal sama draf sekarang akan dipinda atau ditarik balik,” katanya.

Mengenai sama ada sistem kuota pemilihan yang turut dibangkitkan pada taklimat itu, beliau berkata, masalah berkenaan setakat ini tidak boleh dibentangkan kerana tidak terdapat dalam draf cadangan.

“Bagaimanapun, semua pandangan yang diterima hari ini akan dibawa ke MT,” katanya.